

26 SEP 2001

Ghani-Komputer

JABATAN PENDIDIKAN PANTAU 265 PUSAT KOMPUTER "SAKIT"

JOHOR BAHRU, 26 Sept (Bernama) -- Jabatan Pendidikan Negeri Johor sedang memantau pelaksanaan 265 buah pusat komputer sekolah yang dikategorikan sebagai "projek sakit" ekoran kegagalan sebuah syarikat kontraktor melaksanakannya dalam tempoh yang ditetapkan.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman ketika diminta mengulas perkara itu berkata syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Pusat itu telah diberikan lanjutan tempoh selama tiga bulan untuk menyiapkannya segera.

"Pejabat Pendidikan Negeri sedang memantau supaya semua projek itu disiapkan dalam tempoh tiga bulan yang diberikan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Beliau berkata Kerajaan Negeri mahu projek itu, yang baru di tahap pelaksanaan yang kurang daripada 20 peratus, dapat disiapkan untuk kepentingan para pelajar di seluruh negeri ini.

"Kita juga nak elakkan projek-projek sakit seperti ini untuk memastikan kesan penggandaan projek-projek ekonomi yang dikemukakan oleh kerajaan berjalan seperti yang diharapkan," katanya.

Abdul Ghani berkata projek pusat-pusat komputer dalam fasa pertama perancangan itu, yang bernilai hampir RM100 juta, sepatutnya dibina lapan bulan lepas tetapi telah gagal dilaksanakan oleh syarikat itu.

"Dalam kes ini, kita di Johor sepatutnya sudah ada 265 buah pusat komputer tetapi kini sudah tertinggal 265 buah pusat komputer... walhal yang diumumkan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui pakej rangsangan baru pertumbuhan ekonomi bernilai RM4.3 bilion) untuk bina 2,000 buah pusat komputer lagi," katanya.

Beliau berkata syarikat itu juga sepatutnya bukan sahaja menyiapkan pusat atau makmal komputer itu tetapi juga membekalkan komputer ke pusat-pusat itu.

"Bila sudah diberikan tempoh lanjutan tiga bulan itu, kita harap projek itu tidak sakit lagi, tetapi kita sedang memantaunya," kata beliau.

-- BERNAMA

MNY AKD